

KERTAS 1: Tatabahasa

A. Lengkapi ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Murid-murid sedang _____ video tentang pengisytiharan kemerdekaan negara.
A melirik C menonton
B merenung D memandang
- 2 Ayah dan ibu _____ jiran kami yang sedang sakit.
A mendekati C menziarahi
B mendapati D menjumpai

B. Pilih ayat-ayat yang betul.

- 1 I Melibatkan murid berbilang kaum.
II Saling bertanya khabar di media sosial.
III Para penyokong mengibarkan Jalur Gemilang.
IV Kami mengagihkan bubur lambuk kepada orang ramai.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 2 I Di manakah letaknya perkampungan masyarakat Chetti?
II Apakah tarikan istimewa yang ada di Pulau Tioman?
III Cara untuk memupuk perpaduan di sekolah bagaimana?
IV Kuih cincin popular di negeri manakah?
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II dan III sahaja

C. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) “Mana-mana perselisihan faham yang berlaku antara kalian perlu diselesaikan dengan baiknya,” nasihat Cikgu Amir kepada semua muridnya.
-
- (ii) Safira memakai beberapa gulung baju kerana tidak tahan dengan cuaca yang sejuk di pusat peranginan itu.



- **Objek dalam kata kerja transitif** mesti diletakkan selepas kata kerja.
- **Contoh:**
 - melirik mata
 - merenung wajah
 - menonton video
 - memandang muka
 - mendekati rakannya
 - mendapati ibunya
 - menziarahi jirannya
 - menjumpai kawannya
- **Ayat mesti terdiri daripada subjek dan predikat.**
- **Ayat yang tidak mempunyai subjek atau predikat dikatakan sebagai ayat tergantung atau ayat yang tidak lengkap.**
- **Perkataan dalam ayat juga mestilah disusun dengan baiknnya.**
- **Susunan perkataan yang tidak teratur akan menyebabkan ayat itu salah dari segi strukturnya.**